DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)

PERSISIRAN SUNGAI BATU PAHAT, JOHOR

PANEL 05

MATLAMAT, OBJEKTIF DAN KONSEP PEMBANGUNAN

Matlamat dan objektif kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Persisiran Sungai Batu Pahat, Johor ini berteraskan

"MENYEDIAKAN PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN YANG KONDUSIF BAGI MENGGALAKKAN PELABURAN DAN MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAERAH DAN NEGERI MELALUI PENYUSUNAN AKTIVITI PENGGUNAAN TANAH, PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN MENGOPTIMAKAN SUMBERJAYA "

OBJEKTIF 1

Menyediakan pelan tindakan pembangunan yang kondusif dengan penyusunan semula pembangunan persisiran sungai, pembangunan di atas tanah kerajaan dan pemusatan pelabuhan tukar barang *(barter trade)* agar bersesuaian dengan potensi, identiti dan matlamat pembangunan;

OBJEKTIF 2

Menyediakan pelan susun atur terperinci bagi memperkasakan ekonomi melalui perancangan perindustrian, perniagaan dan pelancongan;

OBJEKTIF 3

Memperkukuhkan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan melalui pelan tindakan pembangunan yang kondusif bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, keselamatan dan ekonomi;

OBJEKTIF 4

Menyediakan langkah-langkah mitigasi bagi menguruskan risiko bencana dan meningkatkan kelestarian alam sekitar melalui pemuliharaan dan pemeliharaan;

OBJEKTIF 5

Membentuk suatu sistem pengurusan dan pelaksanaan yang efisien ke arah urus tadbir yang baik mengikut keutamaan dan kepentingan

SENARIO PEMBANGUNAN

01

MENGAMBIL KIRA PEMBANGUNAN SEMASA KAWASAN RKK (KEKAL SEPERTI MANA SEDIA ADA)



1. Tahap operasi, kualiti dan keadaan semasa aktiviti *barter trade*.
2. Percanggahan aktiviti guna tanah di sekitar pinggiran Sungai Batu Pahat
3. Pembangunan tidak terancang dan sistematik khususnya melibatkan aktiviti perindustrian, perniagaan, kediaman dan institusi.
4. Kesesakan lalu lintas dan tahap keselamatan pengguna jalan raya.
5. Keadaan sungai yang cetek menyebabkan banjir dan mengganggu aktiviti perkapalan.
6. Tahap pencemaran kualiti air Sungai
7. Batu Pahat dari sisa aktiviti industri, pembaikan kapal, perniagaan dan perumahan tidak terancang, penternakan, akuakultur, baja pertanian dan racun perosak.
8. Kawasan risiko bencana hakisan dan banjir.

02

MENGAMBIL KIRA KESAN PELAKSANAAN PENGOREKAN SUNGAI DAN MUARA SUNGAI BATU PAHAT SERTA JAMBATAN KEDUA BATU PAHAT/ LINGKARAN DALAM BANDAR (DIJANGKA SIAP DALAM TEMPOH 5 - 10 TAHUN)

1. Jangkaan pelaksanaan pengorekan sungai dan muara Sungai Batu Pahat.
2. Jangkaan pelaksanaan Jambatan Kedua Batu Pahat oleh pihak JKR dan jaringan berkaitan (Jalan Lingkaran Dalam).

03

MENGAMBIL KIRA KESAN PEMBANGUNAN PELABUHAN BAHARU *SECOND PORT LOGISTIK* (DIJANGKA SIAP DALAM TEMPOH 10 - 15 TAHUN SECARA BERPERINGKAT)



1. Jangkaan pelaksanaan Pelabuhan baharu *Second Port Logistic* oleh pihak Second Port Logistic Sdn. Bhd./ Kerajaan Negeri dan hubungkait dengan senario aktiviti sedia ada di pinggiran sungai Batu Pahat iaitu melibatkan:
   - Aktiviti *barter trade*.
   - Aktiviti pembaikan perkapalan.
   - Terminal feri; dan
   - Rangkaian perhubungan sedia ada.